

# Demokrasi buruk jika tamak — PM

U.M. 20 AUG 1989

SUBANG 20 Ogos — Sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini akan menjadi buruk jika rakyat dan pemimpin bersikap tamak serta mengutamakan kepentingan sendiri, kata Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, sistem demokrasi belum dapat menjamin kesejahteraan negara jika rakyat mempunyai sikap tamak dan menyokong seseorang pemimpin secara membuta tuli.

“Sistem demokrasi sahaja tidak menjamin kebahagiaan, yang penting niat kita. Jika kita pentingkan diri sendiri, ia akan menjadi buruk,” katanya semasa berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian Puchong di sini hari ini.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata, dalam sistem demokrasi, walaupun rakyat diberi kuasa menentukan pemimpin mereka, tetapi ada di antara mereka yang berfikiran singkat lalu terpengaruh dengan berbagai tawaran serta rasuah yang digunakan untuk memancing undi.

“Keadaan ini menyebabkan mereka memilih pemimpin yang hanya memperjuangkan kepentingan diri sendiri,” tambah beliau.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, jika rakyat bijak menggunakan hak mereka dan memilih pemimpin yang berwibawa, ia akan memberi manfaat kepada bangsa dan negara.

Katanya lagi, pemimpin yang mementingkan perjuangan diri sendiri juga akan melemahkan parti, bangsa dan negara.

Beliau menyeru semua pihak supaya melupakan kepentingan sendiri demi kepentingan bangsa dan negara.

“Jika ada pemimpin yang pentingkan diri, parti akan lemah serta perjuangan akan gagal dan akhirnya orang Melayu tidak akan mendapat apa-apa,” jelas beliau.